

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 29/1/07
Hari: Rabu M/S: 10
Ruangan: Peralatan

T-100

UUM/AA77/UM/29.1.2007/P:10(1-4)

# Strategi Washington terhadap Teheran

Oleh MOHAMAD FAISOL KELING

TINDAKAN Teheran menjalankan latihan ketenteraan pada 22 Januari lalu adalah simbolik terhadap pendirian Iran dalam menghadapi tekanan Amerika Syarikat (AS) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setelah resolusi 1737 PBB dikeluarkan pada 24 Disember tahun lepas.

Resolusi tersebut memperuntukkan mandat untuk menghalang bekalan, jualan atau pemindahan semua item, bahan, peralatan, barangan dan teknologi yang berkaitan dengan pengayaan, aktiviti berkaitan pemprosesan air berat atau penghantaran sistem pembangunan senjata nuklear Teheran.

Latihan ketenteraan yang membuka lembaran 2007 itu menimbulkan persoalan mengenai kepentingannya selain daripada memenuhi jadual yang telah ditetapkan.

Apa yang penting episod ini menarik perhatian dunia global untuk memberi perhatian dan meneliti pendirian Iran dan mendedahkan realiti rancangan AS serta sekutunya terhadap Teheran pada ketika ini.

Sedar atau tidak Iran kini berada dalam risiko menghadapi tindakan kekerasan AS dan sekutunya berdasarkan dasar, tindakan dan strategi Washington ke atas Teheran. Pengumuman "pelan baru" oleh George W. Bush pada 9 Januari lalu yang mencadangkan penambahan 21,500 anggota tentera AS ke Iraq bagi memperkukuhkan 132,000 orang tentera sedia ada adalah "pelan sulit" Bush

dan Republikan ke atas Iran.

Dunia pastinya tertanya-tanya mengapa AS perlu menempatkan jumlah tentera yang mencecah hampir 153,500 semata-mata bagi melindungi dan mengawal Baghdad dan bandar-bandar utama Iraq? Sedangkan pada ketika ini, rejim boneka AS yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Nuri al-Maliki telah pun memiliki sebuah kerajaan dan pasukan keselamatannya sendiri.

Berdasarkan kuantiti tentera AS yang besar dan pengkelan senjata berat di Iraq pada ketika ini, sebenarnya adalah proses pengukuhan ketumbukan tentera yang seringkali digunakan untuk menjalankan operasi serangan dan bukannya bertujuan sebagai pengaman atau mengawal keadaan.

Ia menampakkan dasar dan strategi AS berhubung pelan baru yang diumumkan itu sebenarnya bertujuan memperkukuhkan ketumbukan utama tentera AS bagi persiapan operasi kekerasan ketenteraan ke atas Iran.

Tindakan AS yang menghantar dua armada lautnya ke Asia Barat telah menimbulkan persoalan mengenai hubungan kaitnya penghantaran angkatan laut sebagai langkah bagi menghadapi ancaman ketidakstabilan politik di Iraq.

Hakikatnya usaha mengembalikan keamanan dan pembangunan Iraq hanyalah alasan untuk mengaburi strategi sulit AS yang cuba mengecilkan kuasa dan kekuatan Iran seperti mana yang pernah dilaksanakan ke atas Iraq.

Secara kasarnya pelan baru AS ini tidak menyentuh mengenai Iran, namun sekiranya diteliti Teheran sedang

menghadapi strategi dan proses "pengecilan kuasa" seperti mana yang dialami oleh Iraq. Proses "pengecilan kuasa" rejim Saddam Hussein melalui sekatan ekonomi, sekatan pembangunan, perlucutan senjata, pemeriksaan IAEA dan diawasi oleh tentera AS di pangkalan-pangkalan tentera AS di rantau Asia Barat kini telah diaplikasikan ke atas Teheran.

Proses ini dapat kita lihat berdasarkan pendekatan AS yang cuba melabelkan rejim Mahmoud Ahmadinejad sebagai rejim yang mampu mengancam keselamatan global seperti mana label yang pernah diletakkan ke atas rejim Saddam Hussein.

## Sokongan

Seperti Iraq, AS pada ketika ini sedang meraih sokongan masyarakat antarabangsa bagi mengambil tindakan dan kekerasan ke atas Iran melalui tuduhan ancaman nuklear Teheran dan negara yang menyokong aktiviti keganasan. Sejarah hubungan AS-Iran yang pernah tercalar dengan peristiwa penawanan pejabat kedutaannya oleh penyokong revolusi Islam Iran pada tahun 1979 telah menjadi parut yang masih menghantui dasar Washington terhadap Iran.

Proses "pengecilan kuasa" Iran jelas dapat dilihat apabila Washington mengambil pendekatan menambahkan anggota tenteranya di Iraq bagi menjalankan strategi ke atas Teheran. Apa yang perlu difahami ialah Iran pada ketika ini telah dikelilingi oleh tente-

ra-tentera AS yang berpangkalan di negara-negara jiran sekitarnya seperti Arab Saudi, Bahrain, Qatar, Kuwait, Oman, UAE, Pakistan, Afghanistan, Uzbekistan, Iraq dan Turki.

Justeru, penempatan tentera AS di Iraq adalah bagi meningkatkan kuantiti dan kekuatan tentera AS bagi memastikan strategi ke atas Iran dapat dijalankan dengan lancar.

AS menyedari bahawa Iran merupakan negara yang jauh lebih berbahaya berbanding Iraq dan kekuatan pertahanannya adalah jauh mengatasi kemampuan Iraq yang tidak hanya dilengkapi dengan kelengkapan konvensional tetapi juga memiliki persenjataan strategik. Pengalaman AS dan Iraq yang gagal menghapuskan Iran dalam Perang Iran-Iraq (1980-1988) telah menjadi ukuran bagi Washington terhadap kekuatan sebenar ketenteraan Iran.

Iran kini merupakan satu-satunya negara Asia Barat yang mampu muncul sebagai sebuah kuasa baru rantau Asia Barat dan digeruni oleh negara-negara serantau termasuk sekutu rapat AS iaitu Israel. Dengan perkembangan Iran yang pada ketika ini sedang bergerak pantas membangunkan nuklear, ia telah menjadikan Teheran sebagai ancaman utama AS di Asia Barat.

MOHAMAD FAISOL KELING  
ialah pensyarah Fakulti  
Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia.

(UUM)